

11 DEC 1997

Siti Hasmah-Wanita

PERPADUAN PENTING UNTUK TINGKATKAN TARAF WANITA ISLAM, KATA SITI HASMAH

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Memandangkan sebanyak 900 juta wanita terdiri dari mereka yang miskin tegar, masa sudah sampai bagi dunia Islam bersatu padu bagi meningkatkan taraf wanita, kata isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Katanya perpaduan ummah penting sekali "kerana secara bersama kita dapat menyokong dan menggalakkan usaha-usaha untuk menangani dan menyelesaikan banyak masalah berhubung dengan wanita dan kanak-kanak."

Dalam menggesa masyarakat Islam sedunia berusaha mencapai keamanan, persahabatan dan muhibbah, beliau berkata mereka tidak lagi boleh mengasingkan diri antara satu sama lain kerana dunia sedang menjadi semakin kecil melalui pengangkutan dan komunikasi yang canggih.

"Kita bersimpati dengan negara-negara antara kita yang kurang bernasib baik dari segi kestabilan politik dan sosio-ekonomi," kata Siti Hasmah ketika berucap pada Bengkel Mikro Kredit di Teheran hari ini. Ucapan beliau dikeluarkan di sini.

Bengkel itu dihadiri oleh wanita-wanita pertama negara-negara yang menyertai Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) di Iran. Siti Hasmah mengiringi suaminya Datuk Seri Dr Mahathir ke sidang kemuncak itu.

Siti Hasmah berkata "ramai di kalangan saudara-saudara kita yang tidak bernasib baik seperti kita, yang akibat dari bencana alam, peperangan dan jangkitan penyakit dan ketidakstabilan sosio ekonomi hidup dalam keadaan miskin malarat."

"Kita tidak seharusnya melihat sahaja penderitaan mereka dan keluarga mereka," katanya.

Setakat ini, statistik menunjukkan sejumlah 1.3 bilion penduduk miskin tegar hidup dengan kurang AS\$1 (RM3.60) sehari, setengah bilion tinggal di Asia, katanya.

Siti Hasmah berkata adalah penting kerajaan dan badan bukan kerajaan memberi perhatian kepada keadaan wanita luar bandar mereka dan memulakan usaha untuk membantu dengan program mikro kredit.

Beliau berkata program mikro kredit yang dimulakan oleh Malaysia yang diberi nama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah berjaya dengan 37 cawangan dibuka di seluruh negara setakat Ogos lepas.

AIM yang mempunyai 47,783 anggota seratus peratus dari luar bandar telah mengeluarkan pinjaman sebanyak AS\$64 juta (kira-kira RM230 juta) dengan kadar pembayaran balik sebanyak 99.5 peratus, katanya.

"Kesan sistem mikro kredit ke atas keluarga miskin baik sekali. Ia bukan sahaja membantu dari segi pinjaman dan bekerja sendiri, tetapi ia juga memberi peminjam-peminjam wanita itu keyakinan dan kehormatan diri. --

BERNAMA

ES WAT